



PERJANJIAN...Nik Mustapha (kiri) menukar memorandum dengan Tengku Rahimah sambil diperhatikan Rozali.

# UPM, PRCSB jalin kerjasama

Kampus  
→ → →

KUALA LUMPUR: Universiti Putra Malaysia (UPM) menandatangani satu perjanjian dengan Puncak Research Centre Sdn Bhd (PRCSB) untuk bekerjasama dalam aktiviti penyelidikan berteraskan air.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha Raja Abdullah, berkata kerjasama itu antara usaha untuk melaksanakan program pembangunan sumber manusia, akses kepada kemudahan makmal serta kemudahan lain yang dimiliki UPM.

Menurutnya, UPM juga akan bekerjasama dalam perkhidmatan perundingan dan khidmat kepakaran serta pelbagai skop kerjasama yang akan dienalpasti dari semasa ke semasa.

"Kepakaran yang dimiliki UPM akan berupaya menjalankan penyelidi-

kan yang relevan dengan keperluan Puncak Research," katanya pada Majlis menandatangani memorandum perjanjian itu, di sini, semalam.

Pada majlis itu PRCSB diwakili Pengarah Eksekutifnya Tengku Datuk Rahimah Almarhum Sultan Mahmud, manakala UPM diwakili Dr Nik Mustapha.

Ia disaksikan Tuanku Canselor UPM, Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah ibni Almarhum Sultan Salauuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Pro Canselor dan Pengerusi Eksekutif Puncak Niaga Holding Berhad (PNHB), Tan Sri Rozali Ismail dan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ir Idris Haron.

Dr Nik Mustapha berkata, kerjasama pihak industri dengan UPM amat bertepatan kerana UPM mempunyai kepakaran dalam kejuruteraan, rawatan air dan alam sekitar di Fakulti Kejuruteraan dan Pengajian Alam Sekitar.